

# Menara jam mercu UPM

## Projek Warisan Budi Putra lambang kecemerlangan sempena jubli intan

Oleh Syuhada Choo Abdullah

**U**NIVERSITI Putra Malaysia (UPM) menjadi institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pertama membina menara jam dikenali Warisan Budi Putra bernilai RM2.5 juta, sempena sambutan ulang tahunnya yang ke-75.

Naib Canselor UPM, Prof Dr Nik Mustapha R Abdullah, berkata menara setinggi bangunan 10 tingkat itu akan dibina bersebelahan Dusun Contoh di kampus induk universiti berkenaan.

Katanya, lokasi itu yang sebelum ini dikenali Dusun Humphrey, dipilih berikutan nostalgia di situlah teretus idea Allahyarham Tun Abdul Razak untuk menubuhkan UPM.

Beliau berkata, projek pembinaan menara itu yang dijangka mengambil masa kira-kira 18 bulan, akan dimulakan secepat mungkin apabila berjaya mengumpul dana diperlukan.

"Bagaimanapun, kos pembinaan Menara Jam Warisan Budi Putra ini tidak membabitkan langsung kewangan UPM. Sebaliknya, dana akan

dikumpul daripada hasil sumbangan pelbagai pihak, termasuk alumni, kakitangan, pelajar dan rakan UPM seperti syarikat korporat serta orang perseorangan.

"Malah selain derma, UPM juga berusaha melaksanakan konsep baru mengutip dana di mana pelbagai pihak boleh menyumbang dengan membeli jubin mengikut kadar ditetapkan.

"Nama pembeli akan diabadikan pada jubin yang menghiasi dinding menara terbabit berserta tahun mereka bergraduat atau menyumbang sebagai nostalgia dan sejarah manis di 'alma mater'," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Utama Sambutan Perayaan Jubli Intan 75 Tahun UPM oleh Canselor universiti itu, Sultan Shara-fuddin Idris Shah, di Serdang, semalam.

Hadir sama Pro Canselor UPM, Tan Sri Thong Yaw Hong dan Tan Sri Dr Nayan Ariffin, serta Pengerusi Lembaga Pengarah universiti itu, Tan Sri Dr Zainul Ariff Hussain.

Pada majlis itu, Sultan Sharafud-

din Idris Shah turut melancarkan projek pembinaan menara berkenaan. Hasil ilham arkitek Prof Madya Mohd Razali Mahyuddin dari Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina UPM, menara terbabit akan dilengkapi pelantar pemandangan di tingkat tujuh yang memberi pemandangan ke seluruh kampus itu.

Nik Mustapha berkata, pembinaan menara itu juga terletak berdekatan Taman Dataran Palma di mana sebanyak 75 pohon palma ditanam sebagai simbolik ulang tahun UPM.

### FAKTA NOMBOR

Menara Jam Warisan Budi Putra

**RM2.5j**

Kos pembinaan

**RM50,000**

Dana dikumpul setakat ini

Ditanya mengenai falsafah menara jam itu pula, beliau berkata, ia menggambarkan kepentingan menghargai masa serta tradisi dan budaya menyumbang semula kepada 'alma mater'.

"Idea ini dicetuskan oleh Jawatan Kuasa Induk Sambutan Jubli Intan UPM kira-kira setahun lalu. Bagi membolehkan projek pembinaan ini dilaksana secepat mungkin, suatu jamuan makan malam akan diadakan untuk mengutip dana secara besar-besaran. Setakat ini, kira-kira RM50,000 sudah berjaya dikumpulkan," katanya.

Sementara itu dalam ucapannya pula, Nik Mustapha berkata, UPM yang bertitik tolak daripada Sekolah Pertanian pada 1931, kini berkembang pesat dengan 16 fakulti, dua sekolah, 12 institut, dua akademi dan empat pusat akademik.

Selain itu, katanya, UPM yang dikenal pasti sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Pertanian, akan menjadi peneraju dan penyumbang utama kepada pembangunan sektor pertanian melalui pendekatan pertanian baru berteknologi tinggi.

Malah dalam Rancangan Malaysia

Kesembilan (RMK-9), beliau berkata, UPM dikenal pasti antara universiti akan diberi taraf Universiti Penyelidikan.

"Pengiktirafan ini amat penting dalam mempertingkatkan kualiti dan pencapaian penyelidikan UPM. Kita baru melalui audit Universiti Penyelidikan dijalankan badan penilai dilantik Kementerian Pengajian Tinggi pada 3 dan 4 Mei lalu. Mengikuti rekod pencapaian penyelidikan, UPM adalah penerima geran penyelidikan Irpa terbesar sejak RMK-6.

"Di bawah RMK-8, kita mendapat peruntukan geran yang berjumlah RM182.7 juta. Baru-baru ini, salah seorang penyelidik kita diberi anugerah saintis terbaik dunia dalam bidang mikrobiologi, iaitu Anugerah Carlos Juan Finlay, daripada badan tertinggi Pertubuhan Kebudayaan, Sains dan Pendidikan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco).

"Kita berbangga bahawa pencapaian penyelidik ini merupakan saintis tempatan Melayu dan menjadi orang Asia pertama menerima pengiktirafan sedemikian," katanya.